

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Asmawati Suhid,¹ Noreha Che Abah²

Abstrak

Pendidikan awal kanak-kanak perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Malah, pendidikan yang sempurna untuk mereka merupakan wadah penting dalam pembentukan dan pembinaan sahsiah dan akhlak mereka demi memelihara kesinambungan manusia di muka bumi kelak. Ini kerana kanak-kanak merupakan generasi yang bakal mewarisi tanggungjawab dan amanah sebagai hamba dan khalifah di muka bumi Allah SWT seterusnya mencetus kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Kaedah perbincangan dalam penulisan ini melibatkan kajian bukan *experimental*. Sehubungan itu, dalam penulisan ini penulis membincangkan konsep pendidikan menurut perspektif Islam, metodologi pembentukan dan pendidikan anak-anak, agen yang terlibat dalam pendidikan anak-anak khususnya di Malaysia serta mengutarakan isu yang berkaitan.

Kata kunci: pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan Islam, akhlak

EARLY CHILDHOOD EDUCATION ACCORDING TO ISLAMIC PERSPECTIVE

Abstract

Early childhood education should be given its due attention. In fact, a proper education for them is an important vehicle in the formation and building of their personality and ethic in order to preserve the continuity of human beings on earth in the future. This is because children are the generation that will inherit the responsibility and trust as a servant and caliph on earth of Allah SWT and continue living a harmonious and prosperous life. The method of discussion in this writing involves non experimental studies. In this regard, within this writing, the author discusses the concept of education according to the Islamic perspective, the methodology of formation and education of children, agents involved in children's education, especially in Malaysia and raise related issues.

Keywords: *early childhood education, Islamic education, ethics*

¹ Asmawati Suhid, PhD, Profesor, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. E-mel: asmawati@upm.edu.my.

² Noreha Che Abah, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Pendahuluan

Peranan pendidikan dalam usaha mendidik, membentuk dan membangunkan insan telah diakui kepentingannya oleh kebanyakan masyarakat. Menurut Siti Nurjanah, pendidikan bermaksud perihal, perbuatan dan cara untuk mendidik.³ Jika diteliti dari sudut perspektif Islam pula pendidikan boleh disimpulkan seperti berikut:

Pendidikan Islam merupakan proses mendidik dan melatih akliah, jasmaniah dan rohaniah manusia berasaskan nilai-nilai Islamiah yang bersumberkan wahyu al-Qur'an dan as-Sunnah bagi melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri semata-mata kepada Allah SWT.

Jelas daripada definisi di atas memperlihatkan bahawa pendidikan dari sudut Islam merupakan satu paradigma yang bersifat holistik, sepadu dan seimbang.⁴ Pendidikan Islam bersifat holistik atau menyeluruh kerana ia meliputi perkembangan manusia dari aspek jasmani, emosi rohani, dan intelek secara bersepadu yang mana potensi ini dapat digunakan untuk meningkatkan pelbagai aspek kehidupan manusia. Manakala seimbangnyanya pendidikan Islam kerana ia menekankan kemajuan dan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat.

Untuk membangunkan insan secara menyeluruh dan bersepadu memerlukan usaha berterusan dan kolektif. Anak-anak perlu diberikan didikan oleh ibu-bapa di awal usia terutamanya apabila mereka telah mumayyiz atau memiliki kebolehan untuk membezakan antara yang baik dan buruk, benar dan salah. Mengenal Allah SWT hendaklah diutamakan dalam pendidikan anak-anak agar mereka mencintai Allah SWT seterusnya taat kepada perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Anak-anak perlu diasuh dan dididik dengan nilai-nilai dan akhlak demi melahirkan generasi Muslim yang beriman, berilmu, dan berakhlak. Menurut Abdullah Nasih Ulwan dalam Siti Nurjannah *et al.*, ibu-bapa merupakan contoh teladan yang penting yang mana mereka dapat

³ Siti Nurjannah Mastor Mustafa, Muhammad Talhal Ajmain, dan Ajmail Safar, "Pendidikan Anak-anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan" (Seminar Kebangsaan Keluarga Negeri Johor, Oktober 2019), 3.

⁴ Asmawati Suhid, Abd Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri, Azreen Effendy Mohamad, "Pendidikan Untuk Semua: Amalannya Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia," *International Journal of Education and Training* 1:2 (2015), 1-7.

mempengaruhi pembentukan pribadi dan sahsiah anak-anak.⁵ Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa ibu-bapa dan pendidik bertanggungjawab mencorakkan kehidupan anak-anak dengan memberikan pendidikan yang sempurna dan sewajarnya. Ibu-bapa merupakan teladan atau *role model* pertama kepada anak-anak. Apa yang dilakukan oleh ibu-bapa bakal menjadi ikutan mereka dalam proses pembentukan tingkah laku dan keperibadian anak-anak.

Para guru khususnya guru Pendidikan Islam merupakan pendidik kedua selepas ibu-bapa apabila anak-anak mula menjejaki alam persekolahan. Guru hendaklah memainkan peranan sebagai *murabbi*, *mu'addib* dan *mu'allim*. Ia memerlukan kekuatan dalam diri individu sendiri dengan dibantu dan disokong pula oleh masyarakat sekeliling. Din Islam menitikberatkan kekuatan diri yang bersepadu meliputi akidah, ibadah dan akhlak demi melahirkan insan yang beriman, beramal dan bertakwa. Kepentingan peranan akidah atau iman kepada umat Islam diutamakan kerana ia merupakan asas yang menentukan segala amalan dan perilakunya diterima Allah SWT. Tiada gunanya seseorang itu berakhlak atau bermoral tinggi, namun dia tidak mempercayai dan patuh kepada peraturan dan hukum Allah SWT. Tambahan pula, tujuan hidup manusia seperti yang dinyatakan dalam al-Qur'an adalah berkaitan dengan tugas dan fungsi sebagai abid dan khalifah Allah SWT. Istilah abid atau disebut juga sebagai hamba Allah SWT merujuk kepada orang-orang yang bersungguh-sungguh dalam beribadat dengan kaedah yang telah digariskan mengikut syariat Islam.⁶

Konsep Pendidikan dalam Islam

Islam amat menekankan kepentingan ilmu dan pendidikan ke atas umatnya. Tambahan pula, pendidikan mempunyai kekuatannya yang tersendiri kerana ia merupakan asas yang kukuh dalam pembinaan tamadun manusia. Dengan kata lain, pendidikan merupakan teras kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan

⁵ Siti Nurjannah Mastor Mustafa, Muhammad Talhal Ajmain, dan Ajmail Safar, "Pendidikan Anak-anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan," 3.

⁶ Ima Frima Fatimah, Nurwadjah Ahmad, dan Andrew Suhartini, "Konsep Tujuan Hidup Manusia: Tinjauan Teologi dalam Pendidikan Islam," *Jurnal Penelitian Pendidikan Islam* 8:1 (2020), 1-14, 2-3.

negara. Tanpa pendidikan masyarakat hidup dalam kemunduran.⁷ Terdapat banyak nas di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang menyentuh tentang kepentingan pendidikan. Malah, surah pertama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW merupakan suruhan menuntut ilmu pengetahuan agar mendapat pendidikan yang sejajar dengan tuntutan Islam. Pendidikan yang dikehendaki Islam adalah pendidikan yang berpaksikan Tauhid, iaitu beriman dan patuh kepada Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-'Alaq*, ayat 1-5 yang bermaksud:

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang telah mencipta (sekalian makhluk); Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan; mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.

Istilah 'Pendidikan Islam' tidak lagi bermaksud pengajaran agama semata-mata atau pengajaran al-Qur'an, al-Hadith dan fiqh sahaja, malah ia bermaksud pendidikan dalam semua cabang ilmu yang diajarkan menurut perspektif Islam sebagaimana yang diterima sepenuhnya oleh para sarjana Islam dari seluruh dunia dalam Deklarasi Makkah pada 1977. Sehubungan itu, dalam Islam itu sendiri tidak melihat pendidikan dari skop yang sempit, bahkan tidak terbatas pendidikan dunia semata-mata.⁸ Oleh itu, konsep pendidikan dalam Islam perlu difahami dalam erti kata yang luas dan menyeluruh, iaitu tiada pemisahan antara pendidikan dari sudut duniawi dan ukhrawi sejajar dengan konsep ilmu yang bersepadu (*intergrated*). Pendidikan yang seimbang adalah pendidikan yang mengambil kira kedua-dua aspek ini bagi memastikan tercapainya matlamat pendidikan Islam itu sendiri, iaitu melahirkan insan beriman dan solih yang dapat merealisasikan fungsinya sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.

Untuk memahami konsep pendidikan menurut perspektif Islam, perlu dihuraikan terlebih dahulu secara ringkas beberapa istilah yang sering digunakan oleh para tokoh pendidikan Islam bagi

⁷ Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, dan Abdul Fatah Shaharuddin, "Pendidikan menurut al-Quran dan Sunnah serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah," *Jurnal Hadhari* 7:22 (2012), 7-22, 8.

⁸ Mazumi, Syihabudin dan Najmudin, "Pendidikan dalam Perspektif al-Qur'an dan As-Sunnah: Kajian atas Istilah Tarbiyah, Taklim, Tadris, Ta'dib dan Tazkiyah," *Indonesian Journal of Islamic Education* 6:2 (2019), 194-209.

menjelaskan maksud pendidikan di sepanjang perkembangan pendidikan dan tamadun Islam. Secara umumnya, dalam menjelaskan konsep dan falsafah pendidikan Islam dapat dilihat menerusi istilah *tarbiyah*, *ta'dib*, *ta'lim*, *irshad* dan *tadris*.

Tarbiyah ialah satu proses peningkatan personaliti manusia dari satu tahap ke satu tahap yang lebih tinggi sehingga sampai ke tahap kesempurnaan (*al-insan al-kamil*) sebagai matlamat akhirnya. Dengan kata lain, melalui proses *tarbiyah* (bermaksud pemeliharaan, asuhan, didikan) yang diberikan oleh orang dewasa, sahsiah Muslim dapat dipertingkatkan tahap demi tahap sehingga mencapai tahap yang memuaskan, iaitu 'Insan Kamil'. Mazumi menambah bahawa *tarbiyah* merujuk kepada proses pengembangan potensi yang dianugerahkan kepada manusia yang mencakupi pemeliharaan, penjagaan, pengurusan, penyampaian ilmu, pemberian petunjuk, bimbingan dan penyempurnaan. Dengan kata lain, ia melibatkan proses mengurus dan mengatur supaya perjalanan kehidupan berjalan dengan lancar.⁹ Jika dilihat dari segi pengertiannya adalah agak umum, kerana secara realitinya ia mencakupi pengertian pendidikan yang bukan sahaja ditujukan kepada manusia bahkan kepada makhluk Allah SWT yang lain yang membawa erti mendidik, mengajar, memelihara dan menternak. Ini bermakna, dari segi penggunaan istilah, ia boleh digunakan secara lebih umum dan meluas, iaitu meliputi manusia dan haiwan.

Istilah *ta'dib* yang bermaksud membentuk adab pula bermakna dalam proses mendidik manusia, manusia yang dididik itu akan mampu memperkembangkan segala potensinya ke arah pembentukan tatasusila perlakuan dan sikap murni yang diredai Tuhan. *Ta'dib* juga bermaksud memberitahu sesuatu ilmu kepada orang yang belum tahu.¹⁰ Dalam konteks ini Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud "Tuhanku telah mendidik aku dalam adab, dan Dia telah menjadikan pendidikanku (adab) yang terbaik." Oleh itu, pendidikan dalam Islam sebenarnya adalah pembentukan adab (akhlak). Mior Mizan, Rahimah dan Kasimah, menyatakan struktur konsep *ta'dib* sudah mengandungi unsur-unsur ilmu, pengajaran (*ta'lim*) dan penyuburan yang baik

⁹ Mazumi, Syihabudin dan Najmudin, "Pendidikan dalam Perspektif al-Qur'an dan As-Sunnah," 203.

¹⁰ Mazumi, Syihabudin dan Najmudin, "Pendidikan dalam Perspektif al-Qur'an dan As-Sunnah," 203.

(*tarbiyah*).¹¹ Tambah beliau lagi, konsep *ta'dib* dalam pendidikan amat penting dan perlu diberi penekanan dan keutamaan memandangkan masyarakat hari ini menghadapi masalah keruntuhan akhlak. Tegasnya, *ta'dib* telah meliputi istilah *ta'lim* dan *tarbiyah*. Manakala istilah *ta'lim* pula memberi pengertian satu proses pemindahan ilmu kepada manusia atau dari satu generasi ke satu generasi dan dengannya manusia dapat merealisasikan fungsi, tugas dan statusnya di muka bumi. Hasil daripada pemindahan ilmu itu manusia berupaya memperlihatkan sifat-sifat ketuhanan (dalam erti kata yang terbatas dan tidak melampaui sifat Allah SWT) dalam segala tindak-tanduknya seperti pemurah, penyayang, bijaksana dan pemaaf.

Istilah *irshad* yang bermaksud memberi petunjuk, panduan, ajaran pula memberi pengertian petunjuk yang benar-benar menunjuk ke arah jalan yang benar bagi kehidupan di dunia seperti yang digariskan oleh al-Qur'an dan as-Sunnah Rasulullah SAW. Oleh itu, manusia yang berpendidikan ialah manusia yang menerima petunjuk Tuhannya dan dia sentiasa berada di jalan yang benar. Istilah terakhir yang biasa digunakan ialah *tadris* bermaksud mengajar, yang memberi makna pengajaran yang dilakukan oleh seorang pendidik kepada penuntut mengenai sesuatu mata pelajaran atau sebagainya. Konsep pendidikan yang terkandung dalam istilah *tadris* ini menekankan ciri-ciri pengajaran dan penyampaian yang berasaskan kepada pengajaran dan pembelajaran, hubungan guru dan murid dan mata pelajaran yang diajarkan. Jelas bahawa definisi istilah-istilah di atas memperlihatkan bahawa manusia yang dijadikan Allah SWT mempunyai tanggungjawab merealisasikan fungsi sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini. Justeru, untuk memikul tanggungjawab ini, manusia sebagai objek kepada proses pendidikan perlu dibentuk dan dididik dengan akhlak dan nilai-nilai Islam agar dapat menjalani kehidupan dengan baik dan sempurna di dunia serta mendapat kesejahteraan dan kebahagiaan di akhirat. Seperti yang termaktub dalam falsafah Pendidikan Islam yang berbunyi:

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam

¹¹ Mior Mohd Mizan Mior Pi, Rahimah Embong, dan Kasimah Kamaruddin, "Konsep Ta'dib menurut Pandangan Cendekiawan Islam" (Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, 2019), 136-140.

berdasarkan al-Qur'an dan as-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.

Justeru, falsafah pendidikan dalam Islam menurut Mohd. Kamal Hassan dalam Asmawati dan Fathiyah adalah bersifat menyeluruh, syumul dan seimbang¹² memberi penekanan kepada konsep berikut:

- pendidikan seumur hidup;
- pembangunan seluruh potensi (roh, akal dan jasad) secara padu mencakupi aspek kognitif, afektif dan *volitional*;
- menyampaikan dua fungsi, sebagai hamba kepada Allah SWT dan sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi;
- memakmurkan seluruh alam;
- kesepaduan dan kesempurnaan iman, ilmu dan amal soleh; dan
- kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Ini jelas memperlihatkan bahawa falsafah pendidikan Islam berusaha mencapai dan merealisasikan matlamat melahirkan individu yang beriman dan bertakwa, seimbang material dan spiritual seterusnya berperanan mengimarahkan muka bumi Allah SWT menurut syariat Islam.¹³

Pendidikan Awal Anak-anak dalam Islam

Anak merupakan anugerah Allah SWT yang amat bernilai kepada pasangan suami isteri atau ibu-bapa. Anugerah ini perlulah dihargai dan dipelihara dengan sebaik-baiknya sama ada dari segi rohani, jasmani, emosi dan inteleknya. Al-Ghazali turut mengatakan bahawa anak-anak merupakan amanah Allah SWT kepada ibu-bapa. Tanggungjawab ibu-bapa amat besar dan hendaklah dilaksanakan dengan sebaiknya. Anak-anak yang dilahirkan ibarat kain putih yang bersih dan suci tanpa sebarang noda dan keburukan. Ibu-bapalah yang bertanggungjawab dan memainkan peranan dalam mewarnai kehidupan anak-anak di masa hadapan sama ada

¹² Asmawati Suhid dan Fathiyah Fakhruddin, "Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran," *Journal of Islamic and Arabic Education* 4:2 (2012), 57-70, 67.

¹³ Asmawati Suhid dan Fathiyah Fakhruddin, "Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam," 67.

menghayati dan mengamalkan ajaran Islam atau sebaliknya. Sebagaimana hadith Rasulullah SAW yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ.

Terjemahan: Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua-dua ibu-bapanyalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Justeru, anak-anak hendaklah dididik dan dibentuk bagi melahirkan insan yang beriman dan bertakwa. Jika diteliti nas-nas al-Qur'an dan hadith Rasulullah SAW menunjukkan bahawa pendidikan anak sebenarnya perlu dimulakan sejak pemilihan jodoh lagi dan ketika hendak mengadakan hubungan intim. Sebagai contoh, Rasulullah SAW menyatakan sunat membaca doa ketika berjimak:

بِسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ حَبِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَحَبِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا.

Terjemahan: Dengan nama Allah, ya Allah! Jauhkan kami daripada syaitan dan jauhkanlah syaitan (daripada kami) dan rezeki yang diberikan kepada kami.

(Riwayat al-Bukhari, Muslim dan Ibn Majah)

Seterusnya apabila isteri atau wanita hamil, maka digalakkan dan disunatkan untuk mengamalkan membaca al-Qur'an, zikrullah dan memelihara akhlak dalam kehidupan harian. Ini kerana sesungguhnya Islam menekankan penanaman aqidah dan pendidikan akhlak dilakukan di peringkat pra-lahir atau anak dalam kandungan ibu lagi. Hal ini berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah *al-Insan*, ayat 2 yang memperlihatkan bahawa manusia sudah boleh mendengar dan melihat semasa dalam kandungan ibu lagi.

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا.

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari setitis mani yang bercampur yang Kami hendak mengujinya (dengan perintah dan larangan), kerana itu Kami jadikan dia mendengar dan melihat.

Mohammed Ali Albar, menerusi Asmawati Suhid, Fathiyah, dan Abd Muhsin turut menyatakan bahawa:

Telinga-telinga fetus berfungsi seawal-awalnya pada bulan keempat kandungan. Fetus dapat mendengar suara ibunya, bunyi perut ibu yang menggerodak dan bunyi-bunyian semasa ibu makan dan minum. Ia juga boleh mendengar bunyi luaran di dalam persekitarannya, sama ada bunyi saudara menangis, jeritan ayah atau orkestra yang ditayangkan melalui televisyen di rumah.¹⁴

Demikian juga di peringkat selepas kelahiran, Islam menggariskan prinsip-prinsip pendidikan akhlak mengikut tahap-tahap perkembangan manusia. Di awal peringkat kelahiran misalnya, bayi hendaklah diperdengarkan kalimah Tauhid (azan atau iqamat) bagi menanamkan roh dan akhlak Islam dalam jiwa mereka. Manakala dalam proses membesar dan menuju kematangan, kanak-kanak hendaklah dididik dengan adab Islam yang murni sebagaimana dianjurkan oleh hadith Rasulullah SAW. Apabila kanak-kanak mencapai peringkat mumaiyiz (peringkat kanak-kanak sudah boleh membezakan perkara yang baik dan yang buruk), maka pendidikan akhlak yang diberikan perlu lebih kerap dan mantap. Kanak-kanak di peringkat ini mampu memahami dan membezakan antara suruhan dan larangan agama. Di peringkat ini juga, anak-anak hendaklah diajarkan pelbagai adab terutamanya adab terhadap ibu bapa dan orang tua, pergaulan, berpakaian dan sebagainya. Oleh itu, pendidikan akhlak perlu dilakukan secara berterusan dan diperteguhkan dengan ganjaran atau dendaan.

Maka jelas di sini bahawa ibu-bapa merupakan orang pertama memberi pendidikan awal kepada anak-anak dan juga merupakan *role model* kepada mereka. Pendidikan yang diberikan hendaklah meliputi pendidikan dari sudut keimanan, rohani, akhlak, jasmani, mental dan sosial. Jika dihayati kisah Syed Qutb yang dihuraikan oleh Mardhiyyah dan Nurazan, iaitu salah seorang sasterawan Arab yang mana beliau menghuraikan tentang pendidikan yang diberikan oleh ibu-bapanya yang menekankan kepada pendidikan islam sejak kecil.¹⁵

¹⁴ Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin, dan Abd Muhsin Ahmad, "Peringkat Perkembangan Akhlak Manusia menurut al-Qur'an," *Jurnal al-Anwar* 4:2 (2017), 61-74.

¹⁵ Mardiyah Zamani dan Nurazan Mohmad Rouyan, "Pengaruh serta Peranan Ibubapa dalam Pembentukan Personaliti dan Keperibadian Syed Qutb: Analisis Auto-biografi Kisah Seorang Anak Kampung," *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 1:2 (2016), 106-115.

Al-Ghazali turut mengetengahkan metodologi pendidikan atau pembentukan akhlak yang bersifat teoretikal dan praktikal. Menurut beliau, kaedah pendidikan akhlak seharusnya bermula daripada peringkat bayi dan seterusnya berkembang sehinggalah ke peringkat dewasa dan usia lanjut. Justeru, al-Ghazali telah mencadangkan metodologi atau kaedah pembentukan akhlak dalam dua kategori iaitu metodologi pembentukan akhlak kanak-kanak dan metodologi pembentukan akhlak orang dewasa. Pendidikan di peringkat awal sangat penting bagi anak-anak lebih-lebih lagi dari sudut penanaman iman. Menurut al-Ghazali, peringkat kanak-kanak adalah peringkat di mana mereka mempunyai hati yang suci dan bersih serta ia mudah dilentur dan dibentuk untuk mencintai Allah.

Berikut dihuraikan beberapa metodologi pembentukan akhlak kanak-kanak yang komprehensif yang diketengahkan oleh al-Ghazali.

Pemupukan Kebiasaan yang Baik dan Positif

Menurut al-Ghazali, kaedah pemupukan dan pendedahan terhadap kebiasaan yang baik dan mulia seharusnya bermula daripada peringkat bayi dan terutamanya awal kanak-kanak. Lazimnya, kaedah ini perlu bermula dari rumah dan menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk melaksanakannya. Hal ini disokong oleh pernyataan Mardhiyyah dan Nurazan bahawa seringkali terjadi apabila timbul masalah akhlak dalam kalangan remaja, orang pertama yang dipersalahkan adalah ibu bapa mereka. Tambahan pula dikatakan bahawa pembentukan tingkah laku anak-anak dipupuk seawal kanak-kanak melalui proses sosialisasi yang diberikan atau ditunjukkan oleh ibu-bapa mereka.¹⁶ Secara tidak langsung, hal ini menunjukkan bahawa ibu-bapa mempunyai peranan yang penting dalam pendidikan akhlak anak-anak. Pendapat ini disokong oleh Habibie, Azni, Joki, Puteri Hayati dan Nurul Hudani yang mana antara faktor penglibatan remaja di dalam gejala sosial berpunca daripada institusi kekeluargaan di mana remaja tersebut melalui

¹⁶ Mardiyah Zamani dan Nurazan Mohamad Rouyan, "Pengaruh serta Peranan Iubapa dalam Pembentukan Personaliti dan Keperibadian Syed Qutb," 106-107.

proses sosialisasi dan pembesaran.¹⁷ Proses sosialisasi atau juga dikenali sebagai penerapan nilai sosial adalah proses di mana kanak-kanak mula membuat penyesuaian sosial mengikut norma atau cara yang diterima oleh masyarakat dan budayanya.¹⁸

Justeru, anak-anak perlu diajar atau dilatih dengan nilai dan adab yang baik dan mulia menurut acuan ajaran Islam. Sebagai contoh, anak-anak boleh diajar adab tidur seperti membaca doa sebelum tidur dan juga selepas bangun tidur. Selain itu, anak-anak juga boleh diajar adab untuk masuk ke tandas seperti apabila masuk menggunakan kaki kiri dan membaca doa sambil menutup kepala dan melangkah keluar dengan kaki kanan. Ini semua adalah contoh-contoh adab yang perlu dipupuk oleh ibu bapa dalam diri anak-anak sejak di peringkat awal lagi. Apabila anak-anak tersebut sudah dilatih dan diajar adab yang baik, maka perkara ini akan menjadi kelaziman dan kebiasaan bagi mereka untuk mengamalkannya.

Pengukuhan Keupayaan Intelktual dan Kekuatan Fizikal

Selanjutnya, al-Ghazali menyarankan supaya kanak-kanak yang sudah boleh membaca, menulis dan mengeja supaya didedahkan kepada bahan-bahan bacaan yang mempunyai unsur-unsur yang positif seperti bacaan tentang tokoh-tokoh Islam, kisah-kisah yang memaparkan nilai dan peribadi yang baik dan juga tentang keperluan untuk menyayangi keluarga dan masyarakat.

Seterusnya, dari aspek fizikal pula, al-Ghazali menasihati ibu-bapa agar tidak menggalakkan anak-anak tidur pada waktu siang hari kerana dikatakan mereka akan menjadi seorang yang pemalas. Ini kerana waktu siang merupakan waktu untuk mereka bergaul dan bermain.¹⁹

Kanak-kanak juga harus diajar bersyukur dengan apa yang ada, tidak merungut, tidak bermegah-megah dengan kekayaan ibu bapanya dan tidak berdukacita terhadap kemiskinan keluarganya.

¹⁷ Habibie Ibrahim, Azni Mustafa, Joki Perdani, Puteri Hayati Mugat Ahmad, dan Nurul Hudani Md Nawi, "Peranan dan Tanggungjawab Ibubapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja," *Asian Social Work Journal* 3:5 (2018), 18-24, 22.

¹⁸ Nor Fauziah Kassim dan Fauziah Hanim Abdul Jalal, "Persahabatan dalam Kalangan Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam," (Seminar Kebangsaan Pascasiswazah Asuhan dan Didikan Kanak-kanak, Februari 2015), 4.

¹⁹ Eko Setiawan, "Konsep Pendidikan Akhlak Anak Perspektif Imam al-Ghazali," *Jurnal Kependidikan* 5:1 (2017), 43-54, 50.

Pemupukan sikap sebegini adalah amat penting bagi membentuk dan membina jiwa Muslim yang kental dan tidak terpengaruh dengan keduniaan semata-mata.

Pemilihan Rakan Sebaya

Pemilihan rakan sebaya atau pun sahabat bagi kanak-kanak sangat penting. Ini kerana dengan rakan sebaya mereka akan bermain atau pun melakukan pelbagai aktiviti bersama. Malah, dalam penulisan Fauziah dan Fauziah Hanim, menyatakan bahawa al-Ghazali menitikberatkan aktiviti bermain bagi kanak-kanak kerana pada pandangan beliau dengan bermain kanak-kanak boleh mengembangkan sifat semula jadi mereka di samping menyuburkan tubuh dan menguatkan otot-otot. Malah, melalui persahabatan yang dijalinkan akan memberi kesan kepada tingkah laku kanak-kanak dan akan membentuk ikatan emosi antara satu sama lain.²⁰ Oleh itu, apabila kanak-kanak sudah mula berkawan, ibu bapa perlu menasihatkan anak-anak mereka supaya memilih atau berkawan dengan rakan yang baik dan mempunyai akhlak yang mulia. Hal ini penting agar anak-anak dapat menghayati dan mengamalkan nilai mulia yang diamalkan selama ini seterusnya mengelak daripada perkara negatif muncul di dalam dirinya.

Sememangnya, kanak-kanak cepat meniru dan mengamalkan segala tingkah laku rakan-rakan di sekelilingnya. Justeru, ibu bapa perlu membuat pilihan yang baik untuk anak-anak agar mereka tidak menurut atau terpengaruh dengan tingkah laku negatif dan bertentangan syariat Islam.

Ganjaran dan Dendaan

Memberikan ganjaran dan denda atau hukuman kepada anak-anak juga merupakan metodologi pendidikan akhlak menurut al-Ghazali. Ia dapat melahirkan sahsiah yang sihat dan murni di dalam sesebuah keluarga. Menurut al-Ghazali, ganjaran di sini bermaksud kata-kata pujian yang boleh memberi galakan terhadap tingkah laku yang baik. Namun begitu, terdapat juga ibu bapa pada masa kini menggunakan ganjaran berbentuk hadiah selain pujian dan galakan. Sebagai contoh, apabila anak-anak memberi makanan kepada kucing peliharaan, ibu bapa perlu mengucapkan kata-kata yang

²⁰ Nor Fauziah Kassim dan Fauziah Hanim Abdul Jalal, "Persahabatan dalam Kalangan Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam," 5.

boleh memberi galakan kepada anak-anak supaya mereka sentiasa mengasihi makhluk lain yang ada di muka bumi.

Di dalam aspek dendaan pula, al-Ghazali menyatakan anak-anak yang melakukan kesalahan untuk kali pertama tidak perlu ditakutkan tentang kesalahannya itu. Namun begitu, ibu bapa perlu menyatakan apa jenis kesalahan yang telah dilakukan seterusnya mencadangkan tingkah laku yang baik terhadap anak-anak mereka sekiranya melakukan kesalahan untuk kali kedua. Sekiranya tiada perubahan yang ditunjukkan oleh anak-anak, dan masih kekal dengan kesalahan itu, maka ibu bapa perlu memberikan hukuman atau dendaan yang sewajarnya dengan tujuan mendidik dan memperbaiki akhlak mereka.

Pemilihan Kata-kata yang Baik

Ibu bapa perlu berbual dan bertutur dengan menggunakan bahasa yang baik dan elok. Penggunaan gaya bahasa yang baik dan selesa didengar akan mempengaruhi anak-anak kelak. Ini kerana, anak-anak mudah meniru atau menuturkan kembali apa sahaja percakapan ayah dan ibunya. Sekiranya baik perkataan yang digunakan maka baiklah juga perkataan anaknya, namun sekiranya buruk perkataannya, maka buruklah juga perkataan yang keluar dari mulut anaknya. Dewasa kini, ada di kalangan ibu bapa yang menggunakan perkataan kesat ketika memarahi anak-anak mereka seperti perkataan ‘bodoh’, ‘bengap’, ‘tak berguna’ dan lain-lain perkataan yang buruk dan tidak elok didengar. Implikasinya, perkataan seumpama ini akan memberi kesan kepada anak-anak dan menyebabkan mereka tidak ada keyakinan diri kerana di dalam dirinya sudah tertanam unsur-unsur negatif.

Menyemai Sifat Mahmudah

Pada peringkat kanak-kanak, ibu bapa perlu menyemai sifat-sifat mahmudah atau sifat-sifat yang baik. Sebagai contoh, kanak-kanak perlu dididik dengan sifat jujur dan berani apabila melakukan sesuatu perbuatan tidak kira sama ada perbuatan itu baik mahupun buruk. Seterusnya, kanak-kanak perlu dididik dengan sifat rendah diri seperti tidak sombong, bersopan santun dan menghormati sesama rakan sebaya ataupun orang dewasa kerana sifat ini merupakan kunci kepada kejayaan dan sifat ini disukai dan dihormati oleh orang ramai. Apabila anak-anak telah dibentuk di

peringkat awal oleh ibu-bapa, mereka telah disemai dan ditanam dengan nilai-nilai keimanan dan keislaman yang boleh menjadi pengawal kepada perbuatan mereka kelak. Maka jelas di sini bahawa ibu-bapa merupakan orang pertama memberi pendidikan awal kepada anak-anak dan juga merupakan *role model* kepada mereka. Pendidikan yang diberikan hendaklah meliputi pendidikan dari sudut keimanan, rohani, akhlak, jasmani, mental dan sosial.

Agen kedua terpenting dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah guru. Para guru khususnya guru Pendidikan Islam sebagai *role model* memainkan peranan penting bagi memastikan misi ini tercapai. Guru seharusnya memainkan peranan sebagai *murabbi*, *mu'addib* dan *mu'allim*. Ia memerlukan kekuatan dalam diri individu sendiri dengan dibantu dan disokong pula oleh masyarakat sekeliling.²¹

Pendidikan Islam di Sekolah Sebagai Wadah Pendidikan Awal

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran wajib yang diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah yang bertujuan melahirkan insan yang soleh, beriman, beramal dan berakhlak. Sehubungan itu, Pendidikan Islam perlu diajar sebagai mata pelajaran al-Din bermakna bukan sekadar menyampaikan pengetahuan dan kemahiran semata-mata tetapi hendaklah diamalkan dan dihayati sepenuhnya oleh setiap individu Muslim yang beriman kepada Allah SWT. Justeru, sebagai seorang guru Pendidikan Islam tugas mereka bukan hanya sekadar memindahkan maklumat kepada murid bahkan berperanan untuk melahirkan khalifah Allah yang mempunyai perkembangan diri yang seimbang.

Perkembangan yang seimbang ini bukan dibentuk pada peringkat dewasa malah melibatkan pembentukan individu daripada peringkat awal lagi iaitu peringkat kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, di Malaysia Pendidikan prasekolah telah diperkenalkan melalui Akta Pendidikan 1996 yang diluluskan oleh Menteri di bawah Seksyen 20.²² Secara umumnya Pendidikan

²¹ Asmawati Suhid dan Mohd Aderi Che Noh, "Transformasi Kurikulum Pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan" (International Conference of Islamic Education, Kuching, Sarawak, 7 Oktober 2016).

²² Sandra Rahman, Abu Bakar Nordin, dan Norlidah Alias, "Penggunaan ICT Merentas Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK): Tinjauan di Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia," *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 1:4 (Oktober 2013), 12-20, 12.

Prasekolah bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak dengan pengenalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang bermatlamat memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Untuk mencapai matlamat KSPK perlu kurikulum yang mantap antaranya memberi penekanan Pendidikan Islam di peringkat prasekolah. Ini kerana, Pendidikan Islam yang berlandaskan al-Qur'an dan as-Sunnah di peringkat awal ini akan menjamin keselamatan peribadi kanak-kanak tersebut apabila dewasa. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa Pendidikan Islam pada awal kanak-kanak adalah sangat penting demi masa depan mereka.²³

Jika ditinjau sejarah perkembangan Pendidikan Islam secara umum, pengajian agama semasa zaman penjajahan bermula di rumah imam atau guru dan tidak diletakkan dalam sistem pendidikan negara. Ilmu yang diajarkan merupakan ilmu utama seperti membaca al-Qur'an, cara solat, puasa dan beberapa lagi perkara yang penting dalam Islam. Selepas itu, wujud pula sistem pondok yang struktur pendidikannya lebih berbentuk tradisional. Pelajar tidak dihadkan umur dan kebolehan, tiada bayaran bulanan mahupun tahunan dikenakan dan kenaikan ke peringkat pengajian yang lebih tinggi adalah berdasarkan kemahiran pelajar tersebut. Kurikulumnya meliputi Fardu Ain, Fardu Kifayah dan lain-lain mata pelajaran yang dianggap penting dalam Pendidikan Islam. Bertitik tolak daripada sistem pondok, sistem madrasah diperkenalkan dan ia dilengkapi dengan infrastruktur dari segi bangunan sekolah, asrama, kemudahan rekreasi dan pejabat pentadbiran. Setelah negara mencapai kemerdekaan institusi madrasah (dikenali juga sebagai sekolah agama atau sekolah Arab) berterusan menghadapi cabaran. Ini kerana, Akta Pelajaran 1961 (yang berasaskan kepada Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960) telah membawa perubahan besar dalam sistem pendidikan kebangsaan dengan memasukkan Pendidikan Agama

²³ Hanifah Sazali, "Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Qur'an: Pelaksanaan di Pusat Pendidikan Prasekolah di Bandar Triang, Pahang" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), 2.

Islam sebagai satu mata pelajaran ke dalam kurikulum sekolah kerajaan.

Kepentingan Pendidikan Agama Islam di sekolah kerajaan diberi penekanan lagi apabila ia diwajibkan ke atas semua murid Islam dan dimasukkan ke dalam jadual waktu rasmi sekolah pada 1962 dengan peruntukan masa dua jam seminggu. Dari sudut kandungan kurikulumnya pula, ia hampir serupa dengan apa yang diamalkan di kebanyakan negara Islam di mana pengajian al-Qur'an merupakan komponen asas di samping hadis dan tidak diabaikan juga Tawhid, Fiqh, Akhlak, tulisan, tatabahasa Arab, kesusasteraan dan sejarah. Sesungguhnya perlu ditegaskan bahawa Pendidikan Agama Islam diadakan di sekolah kerajaan bagi menjamin hala tuju pendidikan Islam bukan mengetepikan sistem pondok dan madrasah atau sekolah agama. Demi pendidikan Islam, semua sistem pendidikan yang terlibat dengannya ada kelebihan masing-masing dan patut dimanfaatkan oleh semua pihak.

Perubahan dan peningkatan dalam pengajaran Pendidikan Islam dapat dilihat dari segi pemantapan Kurikulum Pendidikan Islam. Sukatan pelajaran agama Islam di sekolah rendah mengandungi perkara-perkara yang penting dipelajari oleh murid-murid dan disusun sesuai mengikut umur serta kebolehan mereka. Antaranya ialah Tilawah al-Qur'an, Akidah, Ibadah, Adab dan Akhlak Islam, Sirah Nabawiyah dan Hadith. Manakala sukatan pelajaran sekolah menengah pula merupakan kesinambungan daripada peringkat rendah bagi memperkukuh dan mendalami lagi ilmu agama.

Selain usaha penambahbaikan dan pemantapan Pendidikan Islam yang telah dilakukan dari semasa ke semasa, terdapat beberapa lagi langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Antaranya ialah, pelajar-pelajar Islam diperkukuhkan lagi dengan perkara asas Fardu Ain mereka menerusi program Penilaian Perkara Asas Fardu 'Ain atau PAFA di peringkat rendah dan menengah. Pelaksanaan PAFA antara lain bertujuan untuk memastikan setiap orang murid faham dan boleh melakukan perkara asas Fardu Ain dengan betul dan sempurna; mengenal pasti murid yang lemah dalam kefahaman dan amalan perkara asas Fardu Ain kemudian membimbing mereka sehingga mereka faham dan boleh mengamalkannya dengan betul dan sempurna; memastikan tidak berlaku sebarang keciciran dalam

perkara asas Fardu Ain; dan menimbulkan keinsafan dan kerelaan yang positif bagi mengamalkan dan menghayati perkara asas Fardu Ain. Seterusnya, pengenalan program j-QAF iaitu singkatan kepada jawi, al-Qur'an, bahasa Arab dan Fardu Ain. Program j-QAF adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkasa pendidikan Islam dan sekaligus memantapkan sistem pendidikan kebangsaan selain daripada menyokong program Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA).

Kemunculan Sekolah Rendah Islam Swasta (SRIS) juga memperlihatkan permintaan yang tinggi masyarakat terhadap pendidikan Islam. SRIS juga diadakan ekoran daripada keperluan dan tuntutan semasa agar pendidikan yang bersifat holistik yang menjadikan Islam sebagai terasnya turut mengambil kira penguasaan bahasa Inggeris dan kemahiran teknologi maklumat. Ini selari dengan penyataan Rosnani Hashim bahawa kualiti sistem pendidikan sentiasa diperbandingkan di peringkat antarabangsa berikutan dengan teknologi maklumat beransur-ansur diaplikasikan dalam sistem pendidikan yang dikatakan untuk menambah kualiti pendidikan negara.²⁴

Selain itu, terdapat juga Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah harian diwujudkan atas permintaan ibu bapa dan masyarakat. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang sedia ada tidak dapat menampung permintaan ibu bapa berikutan pencapaian prestasi murid-murid dalam UPSR yang meningkat.

Kemunculan Maahad Tahfiz atau lebih dikenali dengan Tahfiz al-Qur'an merupakan pusat pengajian al-Qur'an yang dikendalikan di bawah Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Asas penubuhan pendidikan tahfiz secara formal telah bermula pada tahun 1966 apabila Maahad Tahfiz al-Qur'an wal Qiraat ditubuhkan atas saranan Perdana Menteri Malaysia yang pertama.²⁵ Ia mula beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Ini diikuti dengan penubuhan maahad tahfiz di negeri masing-masing yang bermula di Kelantan pada tahun 1979. Pada tahun 1980-an dan 1990-an boleh dikatakan semua negeri di Malaysia telah

²⁴ Rosnani Hashim, "Liberalisasi Pendidikan dan Cabarannya dalam Konteks Pendidikan Islam di Malaysia," *Jurnal Pendidikan Islam* 12:2 (2007), 19-40, 25.

²⁵ Noor Hisham Md Nawawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob, dan Nasrul Hakim Salleh, "Matlamat dan Halatuj Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal" (Prosoding 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education, 2014), 4.

mempunyai maahad tahfiz masing-masing. Penubuhan maahad tahfiz di bawah kerajaan negeri di seluruh negara menggunakan sukatan pelajaran Maahad Tahfiz Darul Qur'an, JAKIM. Selain daripada maahad tahfiz yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, terdapat juga maahad tahfiz persendirian atau swasta. Melihat perkembangan maahad tahfiz swasta di peringkat sekolah menengah yang mendapat sambutan masyarakat maka kerajaan mula mengambil inisiatif untuk membangunkan pusat pengajian tahfiz secara sistematik.²⁶ Antara inisiatif awal ialah penubuhan Maahad Tahfiz al-Qur'an wal Qiraat (MTAQ) pada tahun 1992 oleh Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pengelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Seterusnya YIK telah menubuhkan Maahad Tahfiz Sains pada tahun 2004 dengan hasrat menyepadukan ilmu wahyu dan ilmu *waqi'i* atau kontemporari. Langkah ini kemudiannya telah diikuti oleh Kerajaan Negeri lain seperti penubuhan Sekolah Menengah Imtiaz di Terengganu dan Institut Tahfiz al-Qur'an Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, penubuhan maahad tahfiz sama ada di bawah Kerajaan Negeri mahupun persendirian yang umpama cendawan tumbuh ini perlu diseliasa dan dipantau serta diselaraskan pentadbirannya agar lebih kemas dan sistematik.

Pengenalan program Ulul Albab pada 2005 telah juga mendapat perhatian daripada ibu-bapa. Ia mula diperkenalkan di sekolah menengah Imtiaz, Terengganu di mana ia telah menggabungkan sistem pembelajaran yang memberi tumpuan kepada al-Qur'an, pembangunan sahsiah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Istilah Ulul Albab merujuk kepada kumpulan yang istimewa mempunyai asas yang kukuh dalam al-Qur'an, pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati ciptaan Allah SWT melalui jiwa dan fikiran tajam dan belajar daripadanya.²⁷ Kerajaan negeri Terengganu telah menyediakan kemudahan dan prasarana pendidikan moden untuk kajian al-Qur'an dan juga untuk bidang sains dan teknologi untuk

²⁶ Noor Hisham Md Nawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob, dan Nasrul Hakim Salleh, "Matlamat dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal," 5.

²⁷ Arniyuzie Mohd Arshad, "Ulasan Sistematik: Program Ulul Albab dalam Sistem Pendidikan di Malaysia," *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3:4 (Oktober 2015), 22-35, 22.

memastikan pelajar akan berjaya dalam kedua-dua bidang. Ia juga merupakan program kesinambungan untuk pelajar yang berminat dalam bidang sains dan agama sebagai pendidikan alternatif. Program Ulul Albab kian mendapat perhatian kerana ia merupakan satu program pendidikan yang bersepadu antara program yang sedia ada (Sains Tulen) dan program agama termasuk Tahfiz al-Qur'an. Program Ulul Albab bertujuan untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja berilmu tetapi juga mahir dalam bidang agama berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab. Selain itu, berdasarkan prinsip *education for all*, maka kerajaan turut memberi penekanan Pendidikan Islam kepada golongan murid yang terlibat dalam perbuatan jenayah dan juvana. Sekolah Integriti merupakan sinar baharu bagi pesalah juvana. Ia ditubuhkan pada April 2008 secara kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia akan memastikan pelaksanaan kurikulum yang bersepadu berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi melahirkan murid dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing pada peringkat global. Kurikulum ini akan menyentuh dimensi intelek, rohani, emosi, dan fizikal setiap murid, serta menekankan aplikasi pengetahuan dan perkembangan pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif. Mata pelajaran Pendidikan Islam turut terlibat dalam transformasi pendidikan yang bersifat futuristik dan global ini bagi memastikan insan dilahirkan seimbang dari sudut jasmani dan rohani serta membentuk kemenjadian murid.

Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan

Penekanan kepada pendidikan awal dalam sistem pendidikan kebangsaan dapat dilihat apabila kerajaan mewajibkan semua kanak-kanak perlu bersekolah atau mengikuti pembelajaran secara formal apabila berusia enam tahun. Pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia merujuk kepada program yang disediakan untuk kanak-kanak yang berumur sejak lahir sehingga lapan tahun termasuk jagaan di taman asuhan, prasekolah atau sekolah rendah. Menurut Wan Nurul Huda, pendidikan perlu bermula sejak kecil lagi kerana

didikan yang tepat pada awal kanak-kanak akan melahirkan generasi yang berdaya saing dan mempunyai jati diri yang utuh.²⁸

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, maka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dibentuk. Matlamat KSPK ialah:

Memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya.

Kurikulum ini menekankan kepada enam tunjang, iaitu:

1. **Komunikasi.** Memberi pendedahan kepada kemahiran berbahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi.
2. **Kerohanian, Sikap dan Nilai.** Menekankan kepada penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai.
3. **Kemanusiaan.** Pendedahan ilmu dan amalan tentang kemasyarakatan dan alam sekitar setempat, negara dan global. Begitu juga penghayatan semangat patriotisme dan perpaduan.
4. **Keterampilan diri.** Pemupukan kepimpinan dan sahsiah diri melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum.
5. **Perkembangan Fizikal dan Estetika.** Menekankan kepada perkembangan jasmani dan kesihatan untuk kesejahteraan diri. Juga pemupukan daya imaginasi, kreativiti, bakat dan apresiasi.
6. **Sains dan Teknologi.** Memberikan pengetahuan sains, kemahiran dan sikap saintifik. Juga pengetahuan dan kemahiran matematik.

Trend masa kini memperlihatkan kebanyakan ibu-bapa cenderung menghantar anak-anak mereka ke taman asuhan sejak dari awal usia lebih-lebih lagi ke taman asuhan yang berciri islamik atas pelbagai faktor seperti kesedaran tentang pentingnya pendidikan awal anak-anak, semakin meningkatnya bilangan wanita berkerjaya, menyerahkan tanggungjawab jagaan anak-anak kepada pengasuh dan guru. Atas permintaan dan keperluan majoriti

²⁸ Wan Nurul Huda Wan Jusoh, "Metodologi Pendidikan Anak Menurut Surah Luqman" (Tesis Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2011), 2.

ibu-bapa terhadap taman asuhan kanak-kanak yang mengaplikasi dan mengamalkan *bi'ah Islamiyyah* atau persekitaran keislaman, maka kita boleh lihat pertumbuhan taman asuhan ini bagaikan cendawan.

Jelas dapat dilihat usaha-usaha yang dijalankan oleh pelbagai pihak merupakan strategi bagi mempertingkat dan memantapkan lagi Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan. Namun perlu diberi perhatian serius juga terhadap pendidikan tidak formal yang turut memainkan peranan terhadap pembentukan anak-anak seperti media massa, laman sosial, gajet, dan penganjuran aktiviti dan program masyarakat. Lebih-lebih lagi dengan tercetusnya era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan era digital yang memberi impak kepada proses pendidikan anak-anak. Pengisian atau kandungan alat ini hendaklah dipantau dan diawasi agar tidak bertentangan dengan syariat dan nilai Islam yang boleh membawa kesan negatif kepada pembentukan akhlak dan peribadi Muslim. Apabila anak-anak generasi Muslim yang mantap iman dan akhlakunya dapat dilahirkan maka sudah tentu hasrat mencetuskan suasana kehidupan yang harmoni dan sejahtera dapat dicapai.

Penutup

Menerusi perbincangan di atas, jelas memperlihatkan bahawa Islam amat mementingkan pendidikan awal anak-anak bagi memperkukuh keimanan dalam diri dan menyemai nilai-nilai akhlak. Justeru, konsep dan teori pendidikan menurut perspektif Islam jelas berbeza dengan Barat di mana proses pendidikan hendaklah dimulakan sejak anak dalam kandungan ibu lagi melalui amalan sunat, zikrullah, membaca al-Qur'an dan sebagainya. Pendidikan seterusnya hendaklah diberikan semasa anak-anak meningkat dewasa dengan mengambil kira tunjuk ajar dan bimbingan al-Qur'an dan as-Sunnah. Ibu-bapa sebagai individu paling hampir dengan anak-anak hendaklah mempamerkan akhlak mulia dan terpuji serta mengamalkan firman Allah SWT dan Sunnah Rasulullah SAW. Maka jelas di sini, pendidikan anak-anak hendaklah dimulakan seawal mungkin kerana pendidikan awal menentukan amalan, gaya hidup dan masa depan anak-anak.

Ini disokong pula dengan pelbagai usaha dan langkah yang diambil oleh pihak KPM dalam memantapkan lagi Pendidikan Islam di sekolah. Justeru, para guru Pendidikan Islam hendaklah

bersama berganding bahu memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan bagi merealisasikan matlamat dan harapan negara. Guru perlu sentiasa peka kepada perubahan yang berlaku dan sentiasa berusaha memperlengkapkan diri dengan ilmu dan pelbagai kemahiran sesuai dengan tuntutan masa. Keupayaan guru dan pendidik menterjemahkan kehendak kurikulum dan mempelbagaikan pendekatan kaedah pengajaran mampu meningkatkan keupayaan dan penguasaan prestasi akademik murid, di samping sebagai pemangkin kepada perubahan sikap dan akhlak murid. Seterusnya melahirkan insan Muslim yang beriman, beramal, berakhlak dan berbakti kepada ummah dan negara.

Rujukan

- Arniyuzie Mohd Arshad, "Ulasan Sistematis: Program Ulul Albab dalam Sistem Pendidikan di Malaysia," *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3:4 (Oktober 2015), 22-35.
- Asmawati Suhid dan Fathiyah Fakhruddin, "Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran," *Journal of Islamic and Arabic Education* 4:2 (2012), 57-70.
- Asmawati Suhid dan Mohd Aderi Che Noh, "Transformasi Kurikulum Pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan" (International Conference of Islamic Education, Kuching, Sarawak, 7 Oktober 2016).
- Asmawati Suhid, Abd Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri, Azreen Effendy Mohamad, "Pendidikan Untuk Semua: Amalannya Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia," *International Journal of Education and Training* 1:2 (2015), 1-7.
- Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin, dan Abd Muhsin Ahmad, "Peringkat Perkembangan Akhlak Manusia menurut al-Qur'an," *Jurnal al-Anwar* 4:2 (2017), 61-74.
- Eko Setiawan, "Konsep Pendidikan Akhlak Anak Perspektif Imam al-Ghazali," *Jurnal Kependidikan* 5:1 (2017), 43-54.
- Habibie Ibrahim, Azni Mustafa, Joki Perdani, Puteri Hayati Mugat Ahmad, dan Nurul Hudani Md Nawati, "Peranan dan Tanggungjawab Ibubapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja," *Asian Social Work Journal* 3:5 (2018), 18-24.
- Hanifah Sazali, "Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Qur'an: Pelaksanaan di Pusat Pendidikan Prasekolah di Bandar

- Triang, Pahang” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).
- Ima Frima Fatimah, Nurwadjah Ahmad, dan Andrew Suhartini, “Konsep Tujuan Hidup Manusia: Tinjauan Teologi dalam Pendidikan Islam,” *Jurnal Penelitian Pendidikan Islam* 8:1 (2020), 1-14.
- Mardiyah Zamani dan Nurazan Mohmad Rouyan, “Pengaruh serta Peranan Ibubapa dalam Pembentukan Personaliti dan Keperibadian Syed Qutb: Analisis Auto-biografi Kisah Seorang Anak Kampung,” *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 1:2 (2016), 106-115.
- Mazumi, Syihabudin dan Najmudin, “Pendidikan dalam Perspektif al-Qur’an dan As-Sunnah: Kajian atas Istilah Tarbiyah, Taklim, Tadris, Ta’dib dan Tazkiyah,” *Indonesian Journal of Islamic Education* 6:2 (2019), 194-209.
- Mior Mohd Mizan Mior Pi, Rahimah Embong, dan Kasimah Kamaruddin, “Konsep Ta’dib menurut Pandangan Cendekiawan Islam” (Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, 2019), 136-140.
- Noor Hisham Md Nawawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob, dan Nasrul Hakim Salleh, “Matlamat dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal” (Prosoding 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education, 2014).
- Nor Fauziah Kassim dan Fauziah Hanim Abdul Jalal, “Persahabatan dalam Kalangan Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam,” (Seminar Kebangsaan Pascasiswazah Asuhan dan Didikan Kanak-kanak, Februari 2015).
- Rosnani Hashim, “Liberalisasi Pendidikan dan Cabarannya dalam Konteks Pendidikan Islam di Malaysia,” *Jurnal Pendidikan Islam* 12:2 (2007), 19-40.
- Sandra Rahman, Abu Bakar Nordin, dan Norlidah Alias, “Penggunaan ICT Merentas Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK): Tinjauan di Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia,” *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 1:4 (Oktober 2013), 12-20.
- Siti Nurjannah Mastor Mustafa, Muhammad Talhal Ajmain, dan Ajmail Safar, “Pendidikan Anak-anak Menurut Abdullah Nasih

Ulwan” (Seminar Kebangsaan Keluarga Negeri Johor, Oktober 2019).

Wan Nurul Huda Wan Jusoh, “Metodologi Pendidikan Anak Menurut Surah Luqman” (Tesis Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2011).

Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, dan Abdul Fatah Shaharuddin, “Pendidikan menurut al-Quran dan Sunnah serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah,” *Jurnal Hadhari* 7:22 (2012), 7-22.